



20
UNIMAS
LAMPIRAN

Majlis Konvokesyen Ke-16



MENJADI KEBANGGAAN ... Pelajar OKU dari Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Cindy Yeo Siaw Hui, 23, menunjukkan anugerah yang diterimanya sempena Majlis Konvokesyen Ke-16 di Unimas, Kota Samarahan, semalam. • AWANG KUSHAIRY JUNAIDI

Nasir Sarawak 15 Oktober 2012 P.5

Graduan istimewa dapat Ijazah Sarjana Muda Kewangan

Oktosber 2012

LUCIA JOHN

KOTA SAMARAHAN, Ahad

— “Ketika kecil, saya sering bertanyakan kepada ibu kenapa dilahirkan dalam keadaan yang tidak sempurna sedangkan kanak-kanak lain kelihatan normal.

“Tetapi ibu menjawab, itu tidak apa. Maknanya Tuhan telah memberi kita keistimewaan,” kata Cindy Yeo, 23, satu satunya pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) yang bergraduat sebagai graduan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini hari ini.

Kata pemegang Ijazah Sarjana Muda Kewangan ini, ibunya adalah mentor hidup

sehingga dia tidak lali diejek rakan-rakan yang menganggap OKU ini ialah orang yang tidak berkebolehan.

“Saya buktikan kepada mereka... berjalan tempang yang seakan akan kanak-kanak sindrom down bukan penghalang untuk kita meraih kejayaan.

“Mungkin ada yang memandang rendah tetapi saya sudah sebatи dengan kata kuatkan semangat,” ujarnya.

Menurut Cindy, dia dahulu juga sangat perlahan mempelajari sesuatu. Jika rakan sekelasnya sekali sudah betul menjawab soalan, dia pula terpaksa berusaha keras dengan mengulangi setiap formula yang diajar oleh cikgu.

“Nasib baik ibu pendorong

yang kuat. Dia tidak pernah lali untuk mengajar apakan lagi mengulang semula apa yang telah dikatakan,” jelasnya.

Cindy berkata, dia gembira petang ini kerana hasil penat lelah berkenaan dia berjaya mendapatkan segulung ijazah, satu perkara yang mungkin mudah kepada mana-mana remaja normal lain.

“Hidup tidak semestinya gagal jika kita OKU. Lihatlah di sekeliling dan cuba untuk dapatkan sokongan padu sama ada rakan maupun juga keluarga.

“Saya beruntung kerana kedua-duanya ada, tambahan Unimas juga tidak lari dari pada menyediakan fasiliti mesra OKU. Jadi ini menyenangkan sedikit,” katanya.